

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAQI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam membantu meningkatkan pendapatan untuk membangunkan keupayaan membeli dan memiliki di kalangan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dan sentiasa berusaha dalam membantu meningkatkan pendapatan untuk membangunkan keupayaan membeli dan memiliki di kalangan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan golongan ini, termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan pusat-pusat pembangunan bagi mencipta peluang-peluang baharu, terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak. Bagi golongan berpendapatan sederhana, khususnya golongan berpendapatan sederhana rendah, program-program peningkatan kapasiti dan kapabiliti adalah berdasarkan tahap keperluan golongan tersebut. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka bagi memperolehi pekerjaan berpendapatan lebih tinggi;

- iii. memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan telah melaksanakan projek agropolitan di 11 lokasi yang dikenalpasti yang dijangka memanfaatkan 3,246 orang peserta;
- v. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, saham amanah, program pendidikan dan latihan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Program KWAPM adalah bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah. Turut diberi keutamaan adalah usaha peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Sekian. Terima kasih.